

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	OPERASI BERSEPADU PGA RAMPAS SISA PLASTIK, E-WASTE HARAM RM3.37 JUTA
	SUMBER	BH (23 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	18 (NASIONAL)

Operasi bersepadu PGA rampas sisa plastik, e-waste haram RM3.37 juta

Nibong Tebal: Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas sejumlah sisa plastik dan elektronik (e-waste) bernilai lebih RM3.37 juta yang diproses secara haram dalam serbuan di sebuah premis di daerah Seberang Perai Selatan, Jumaat lalu.

Serbuan pada jam 11 pagi itu membabitkan kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Selatan.

Dalam operasi itu, seorang lelaki tempatan berusia lingkungan 30-an yang dipercayai pemilik premis ditahan.

Komander Briged Utara Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta, Perak, Senior Asisten Komisioner Balveer Singh Mahindar Singh, berkata siasatan awal mendapati suspek menjadikan premis itu sebagai lokasi pemrosesan material plastik dan penyimpanan sisa elektronik tanpa kelulusan pihak berkuasa seperti JAS dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Premis ini telah beroperasi



Antara sisa plastik dan e-waste yang dirampas dalam serbuan bersepadu PGA di sebuah premis di Seberang Perai Selatan, Nibong Tebal. (Foto 1 Ihsan PGA)

sejak awal tahun 2025, mendapatkan bekalan sisa plastik daripada kilang semikonduktor di sekitar kawasan ini.

"Pemeriksaan mendapati terdapat pelbagai sisa elektronik disimpan dalam 'jumbo bag' serta tong drum yang mengandungi cecair minyak tercemar, yang keseluruhannya bernilai lebih RM3.37 juta," katanya, semalam.

Balveer Singh berkata, fasiliti

dalam premis itu digunakan untuk memproses bahan plastik dan bijian plastik yang kemudian dieksport ke luar negara.

Sebagai tindakan lanjut, katanya, MBSP telah mengeluarkan notis pemberhentian aktiviti perkilangan dan mengenakan kompaun RM500 kepada pengurus premis.

Kes diserahkan kepada JAS negeri untuk siasatan lanjut me-

ngikut Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

"Briged Utara PGA menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menjalankan aktiviti pemrosesan dan penyimpanan buangan terjadual tanpa kelulusan sah kerana ia boleh mendatangkan risiko serius terhadap alam sekitar dan keselamatan awam," katanya.

2.	TAJUK	KERJA PEMBERSIHAN SUNGAI KABUL SELESAI
	SUMBER	BH (24 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Kerja bersih pencemaran Sungai Kabul selesai

Shah Alam: Kerja pembersihan Sungai Kabul di Semenyih yang dilaporkan tercemar sejak Khamis lalu akibat aktiviti kitar semula minyak dan sisa plastik oleh dua premis, selesai dijalankan.

Serentak itu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengaktifkan pemantauan statik rapi dan menyeluruh di sungai berkenaan bagi memastikan pencemaran bau tidak berulang.

LUAS berkata, kertas siasatan berhubung kejadian itu sedang dilengkapkan dan menunggu keputusan analisis sampel daripada Jabatan Kimia.

"Sebaik kertas siasatan berkenaan lengkap, ia akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk arahan bagi tindakan selanjutnya.

"Dua premis yang menjalankan aktiviti kitar semula minyak

2 premis kitar semula disyaki punca pencemaran bau di Sungai Kabul



Keratan akhbar BH, semalam.

dan sisa plastik disyaki menyebabkan pencemaran berkenaan.

"Kerja pembersihan juga sudah selesai dan pihak LUAS mengaktifkan pemantauan statik rapi di Sungai Kabul," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, dua premis di kawasan perindustrian Mahkota Beranang dipercayai menjadi punca pencemaran bau di Sungai Kabul, Semenyih sejak Khamis lalu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, dilaporkan berkata, kedua-dua premis itu dipercayai melepaskan sisa minyak dan effluen berwarna hitam ke sistem perparitan sebelum mengalir ke Sungai Kabul.

LUAS membuka dua kertas siasatan dan kes disiasat di bawah Seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999 yang memperuntukkan denda maksimum RMI juta serta penjara mandatori hingga tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut mengambil tindakan penahanan operasi kelengkapan mengikut Seksyen 38(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, manakala Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) menyita satu daripada dua premis itu kerana beroperasi tanpa lesen sah.



Kerja pembersihan Sungai Kabul, Semenyih yang tercemar.

(Foto ihsan LUAS)

3.	TAJUK	SIASATAN PENCEMARAN SUNGAI KABUL : TUNGGU ANALISIS JABATAN KIMIA
	SUMBER	HARIAN METRO (24 FEBUARI 2026)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (LOKAL)

lokal

Oleh Norzamira
Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Kertas siasatan berhubung pencemaran bau di Sungai Kabul, Semenyih sedang dilengkapkan dengan menunggu keputusan analisis sampel daripada Jabatan Kimia Malaysia.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berkata, sebaik sahaja kertas siasatan berkenaan lengkap, ia akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya untuk arahan bagi tindakan selanjutnya.

"Siasatan masih berjalan dengan dua premis yang menjalankan aktiviti kitar semula minyak dan sisa plastik disyaki menyebabkan pencemaran berkenaan.

"Kertas siasatan berhubung insiden ini akan lengkap selepas kita mendapat keputusan analisis sampel dari Jabatan Kimia Malaysia.

"Kerja pembersihan juga sudah selesai dan pihak LUAS mengaktifkan pemantauan statik rapi di Sungai Kabul," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, media melaporkan dua premis di ka-



AMRUDIN meninjau lokasi pencemaran Sungai Kabul, Semenyih.

SIASATAN PENCEMARAN SUNGAI KABUL

Tunggu analisis Jabatan Kimia

wasan perindustrian Mahkota Beranang dipercayai menjadi punca pencemaran bau di Sungai Kabul, Semenyih sejak Khamis lalu.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari dipetik berkata, kedua-dua premis itu dipercayai melepaskan sisa minyak serta efluen berwarna hitam ke sistem perparitan sebelum

"Kedua-dua premis itu dipercayai melepaskan sisa minyak serta efluen berwarna hitam ke sistem perparitan sebelum mengalir ke Sungai Kabul"

Amirudin

mengalir ke Sungai Kabul. Beliau berkata, LUAS membuka dua kertas siasatan terhadap premis terbabit dan kes disiasat mengikut Seksyen 79(4) Enakmen LUAS 1999 yang memperuntukkan denda maksimum RM1 juta serta mandatori penjara hingga tiga tahun, jika sabit kesalahan.

Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) turut mengambil tindakan penahanan operasi kelengkapan mengikut Seksyen 38(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, manakala Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) menyita satu daripada dua premis itu kerana beroperasi tanpa lesen sah.

Jelasnya, kejadian pencemaran itu adalah yang ke-13 direkodkan di negeri ini sejak tahun lalu, namun kali ini memabatkan tempoh operasi mitigasi paling lama iaitu 62 jam.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**